

26 JUL 2003

MAHATHIR-THAKSIN/I

RUNDINGAN TAHUNAN MAHATHIR-THAKSIN DI LANGKAWI ESOK

Oleh: Wan Nurzila Wan Abdul Rahman

LANGKAWI, 26 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya dari Thailand, Dr Thaksin Shinawatra, akan mengadakan rundingan tahunan di sini esok.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra, rundingan kedua-dua pemimpin negara berjiran ini merupakan yang keempat sejak Thaksin menyandang jawatan perdana menteri pada 1999.

Rundingan tahunan antara kedua-dua perdana menteri itu telah terbukti menjadi forum yang amat berharga ke arah memupuk hubungan dan kerjasama yang lebih erat antara Malaysia dan Thailand kerana ia memberi peluang kepada kedua-dua pemimpin itu untuk membincang dan mengkaji isu-isu dua hala yang menjadi masalah bersama, katanya.

Menurutnya, Thaksin akan berada di sini untuk lawatan kerja dua hari mulai esok sempena rundingan tahunan itu.

Semasa lawatan itu, kedua-dua perdana menteri juga dijangka merasmikan dan menyampaikan ucapan di majlis Dialog Perkongsian Perniagaan Teknologi Malaysia-Thailand anjuran Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT).

Pertemuan empat mata kedua-dua pemimpin akan berlangsung pada sebelah petang dan diikuti oleh mesyuarat perwakilan yang diterajui oleh kedua-dua perdana menteri.

Dalam mesyuarat itu, kedua-dua pemimpin dijangka membincangkan, antara lain, kerjasama yang sedia ada antara kedua-dua negara di kawasan-kawasan sepanjang sempadan, isu penandaan sempadan, perdagangan dan pelaburan, projek rangkaian saluran paip merentasi Malaysia-Thailand di Selatan Thailand, kerjasama maklumat dan isu-isu serantau dan antarabangsa yang menjadi masalah bersama.

Kedua-dua pemimpin juga akan menghadiri upacara menandatangani Perisytiharan Bersama Rangka Kerja Kerjasama Dialog Malaysia-Thailand serta Memorandum Persefahaman Mengenai Kerjasama Dalam Hal Ehdwal Kastam dan Memorandum Kerjasama Mengenai Bursa Saham.

Sementara itu, dialog anjuran MIGHT yang bertema "Memanfaatkan Perkongsian Teknologi dan Perniagaan Strategik bagi Pertumbuhan Ekonomi" itu, bertujuan memupuk kerjasama yang lebih erat dan menggalakkan pembangunan teknologi antara Malaysia dan Thailand.

Beberapa penceramah utama dijangka membentangkan pandangan mereka mengenai pelbagai isu termasuk automotif, agro-bioteknologi, pertanian, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta eko-pelancongan.

Antara penceramah di dialog itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dari Malaysia dan Menteri Sains dan Teknologi Phinij Jarusombat dari Thailand.

Timbalan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menyampaikan ucapan penggulungan dan penutup dialog tersebut.

Malaysia adalah rakan dagangan kelima terbesar Thailand manakala Thailand pula adalah rakan perdagangan ketujuh terbesar Malaysia. Perdagangan dua hala dengan Thailand berjumlah AS\$7.13 bilion (RM27.09 bilion) pada 2002. -- BERNAMA

WNZ MKO FR KY JR